

Headline	Tarif elektrik naik 4.99 sen sekilowat sejam tahun depan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Page No	2
ArticleSize	320 cm ²	Journalist	MOHD. AFIQ
PR Value	RM 8,346		



Tarif elektrik naik 4.99 sen sekilowat sejam tahun depan

Kerajaan jimat RM4 bilion setahun dalam bentuk pengurangan subsidi

MOHD. AFIQ ZULKIFLI

KUALA LUMPUR - Kadar purata tarif elektrik di Semenanjung Malaysia akan dinaikkan 14.89 peratus atau sebanyak 4.99 sen sekilowat sejam (kWj) menjadikan kadar baharu sebanyak 38.53 sen/kWj daripada kadar lama 33.54 sen/kWj berkuat kuasa 1 Januari 2014.

Bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, kadar purata tarif elektrik akan dinaikkan sebanyak 5 sen kWj kepada 34.52 sen (peningkatan sebanyak 16.9 peratus) daripada kadar semasa iaitu 29.52 sen/kWj.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, kenaikan tarif itu didorong empat faktor iaitu kesan penyelarasan harga gas domestik (0.51 sen/kWj), kesan penetapan harga gas asli cecair (3.41 sen/kWj), kesan penyelarasan harga arang batu (0.17 sen/kWj) dan semakan tarif Tenaga Nasional Berhad (TNB) (0.9 sen/kWj).

Bagaimanapun, beliau berkata, kenaikan itu tidak akan melibatkan sebanyak 4.56 juta (70.67 peratus) daripada 6.45 juta pengguna domestik di Semenanjung serta 260,000 (62 peratus) daripada 418,000 pengguna domestik di Sabah dan Labuan yang

menggunakan elektrik pada kadar 300 kWj ke bawah.

Katanya, kerajaan akan terus membantu dengan memberikan rebat kepada pengguna yang bil elektrik mereka berjumlah RM20 ke bawah sehingga 31 Disember 2014.

"Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negara dan ke arah penetapan harga gas berasaskan mekanisme harga pasaran, usaha rasionalisasi subsidi adalah langkah yang perlu diteruskan kerajaan.

"Di samping itu, kerajaan juga perlu memastikan syarikat utiliti mampu menampung peningkatan kos pembekalan elektrik dan mempertingkatkan pelaburan untuk menyediakan infrastruktur dan operasi pembekalan elektrik yang lebih baik," katanya pada sidang akhbar di Parlimen di sini semalam.

Ongkili berkata, biarpun tarif baharu dilaksanakan, kerajaan tetap menanggung jumlah subsidi pelepasan hasil perolehan gas asli sebanyak RM14 bilion setahun di Semenanjung dan RM570 juta di Sabah dan Labuan.

Katanya, mengenai kadar tarif di Sabah dan Labuan, kenaikan itu diperlukan untuk mengimbangi jurang yang kian meningkat antara kos pembekalan elektrik dengan ka-

dar tarif sedia ada supaya Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dapat terus membekalkan elektrik berdaya maju di dua tempat berkenaan.

"Kadar purata tarif elektrik semasa iaitu 29.52 sen/kWj hanya mampu menampung 80 peratus daripada kos operasi SESB dan tidak mencerminkan kos pembekalan sebenar SESB iaitu pada kadar 43.46 sen/kWj," katanya.

Sarawak tidak terlibat dalam semakan tarif itu kerana sektor tenaganya dikawal selia oleh enakmen negeri itu sendiri.

Sementara itu, Ongkili memberitahu, kerajaan dapat menjimatkan kira-kira RM4 bilion dalam bentuk pengurangan subsidi untuk sektor tenaga tahun depan berikutan semakan semula subsidi elektrik yang seterusnya akan disalurkan kepada usaha untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur, sekolah dan kemudahan awam lain untuk rakyat.



MAXIMUS

INFO Kadar tarif elektrik pengguna domestik di Semenanjung Malaysia

Jenis penggunaan (kWj)	Bilangan pengguna	Bil elektrik semasa (RM)	Bil elektrik baharu selepas kenaikan (RM)	Perbezaan (RM)
0-200	3.25 juta (50.37 peratus)	3.00 - 43.60	3.00 - 43.60	Tiada kenaikan
201-300	1.31 juta (20.30 peratus)	43.93 - 77.00	43.93 - 77.00	Tiada kenaikan
301-400	0.72 juta (11.1 peratus)	77.40 - 117.00	77.52 - 128.60	0.12 - 11.60
401-600	0.67 juta (10.44 peratus)	117.40 - 198.80	129.12 - 231.80	11.71 - 33.00
601-800	0.26 juta (4.03 peratus)	199.23 - 285.10	232.35 - 341.00	33.12 - 55.90
801-1,000	0.11 juta (1.75 peratus)	285.55 - 375.80	341.55 - 452.70	55.99 - 76.90
1,001-5,000	0.13 juta (1.98 peratus)	376.25 - 2,191.80	453.27 - 2,736.70	77.02 - 544.90
Lebih 5,000	0.002 juta (0.03 peratus)	2,192.25 dan ke atas	2,737.27 dan ke atas	545.02 dan ke atas